

**TINGKAH LAKU
PENGUNDIAN
DALAM
PILIHAN RAYA
PARLIMEN
SARAWAK**

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis
Neilson Ilan Mersat
Ahi Sarok

Uni
JQ
1062
A95
M697



**TINGKAH LAKU
PENGUNDIAN
DALAM
PILIHAN RAYA
PARLIMEN
SARAWAK**

**TINGKAH LAKU
PENGUNDIAN
DALAM
PILIHAN RAYA
PARLIMEN
SARAWAK**

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis
Neilson Ian Mersat
Ahi Sarok

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2002

Cetakan Pertama 2002
© Mohd Faisal Syam Abdol Hazis
Neilson Ilan Mersat
Ahi Sarok

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Penerbitan, Universiti Malaysia Sarawak terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
UNIT PENERBITAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK.
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
PERUSAHAAN KUBARU SDN. BHD.
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell,
93100 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis
Neilson Ilan Mersat
Ahi Sarok

Tingkah Laku Pengundian dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak
1. Voting Behavior 2. Election 3. Politics

ISBN 983-9257-13-7

Kandungan

<i>PRAKATA</i>	ix
<i>SENARAI SINGKATAN</i>	xii
1 PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SARAWAK	
Pengenalan	1
Sekilas pandang pilihan raya parlimen 1969 hingga 1999	5
<i>Pengundi Berdaftar</i>	6
<i>Peraturan Mengundi</i>	7
<i>Parti yang Bertanding</i>	8
<i>Undi Popular</i>	11
Keputusan pilihan raya parlimen 1999	12
<i>Undi Popular</i>	13
<i>Undi Rosak</i>	13
<i>Manifesto Pilihan Raya</i>	13
<i>Isu-isu Pilihan Raya</i>	14
<i>Prestasi Barisan Nasional</i>	19
<i>Impak Parti Pembangkang</i>	21
Kesimpulan	24
2 TINGKAH LAKU PENGUNDIAN: TEORI DAN KONSEP	
Demokrasi dan Penglibatan Politik	27
Definisi Tingkah Laku Pengundian	31
Model Tingkah Laku Pengundian	32

	<i>Model Sosiologi</i>	32
	<i>Model Psikologi</i>	33
	<i>Model Kognitif</i>	34
	<i>Model Michigan</i>	34
	Kajian lepas tingkah laku pengundian di Malaysia	35
	<i>Kajian Lepas di Semenanjung dan Sabah</i>	35
	<i>Kajian Lepas di Sarawak</i>	39
	Kesimpulan	42
3	LATAR BELAKANG KAJIAN	
	Pengenalan	46
	Kawasan Kajian	47
	Populasi Kajian	50
	Sampel Kajian	50
	Pengedaran Borang Soal Selidik	52
	Profil Responden	55
	<i>Umur</i>	55
	<i>Taraf Pendidikan</i>	56
	<i>Jenis Pekerjaan</i>	57
	<i>Tahap Pendapatan</i>	58
	Hipotesis Kajian	58
	Kesimpulan	59
4	BUDAYA POLITIK	
	Pengenalan	60
	Pandangan pengundi terhadap SPR dan sistem pilihan raya	61
	<i>Tahap Pengetahuan Pengundi Terhadap Fungsi dan Peranan SPR</i>	61
	<i>Keyakinan Terhadap Ketelusan SPR</i>	61
	<i>Tahap Pengetahuan Pengundi Mengenai Sistem Pilihan Raya</i>	64
	<i>Kepentingan Mengundi</i>	65

	<i>Tahap Pengetahuan Mengenai Hak dan Tanggungjawab Pengundi</i>	66
	Pandangan Pengundi Terhadap Kerajaan yang Memerintah	67
	Kesimpulan	69
5	PENYERTAAN POLITIK	
	Pengenalan	72
	Tahap Penyertaan Politik Pengundi di Sarawak	73
	<i>Minat Terhadap Politik</i>	73
	<i>Keahlian Pengundi dalam Parti Politik</i>	74
	<i>Tahap Peratusan Mengundi dalam Pilihan Raya Parlimen</i>	75
	Trend penyertaan politik pengundi di Sarawak	76
	<i>Pengundi Melayu</i>	77
	<i>Pengundi Iban</i>	77
	<i>Pengundi Cina</i>	77
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tahap Penyertaan Politik	78
	<i>Pengaruh Individu Terhadap Penyertaan Politik</i>	79
	<i>Pengaruh Politik Terhadap Penyertaan Politik</i>	81
	Kesimpulan	82
6	SUMBER MAKLUMAT POLITIK	
	Pengenalan	84
	Sumber maklumat Politik Pengundi	85
	Pola penggunaan Sumber Maklumat Politik	87
	Kesimpulan	88
7	MODEL TINGKAH LAKU PENGUNDIAN DI SARAWAK	
	Pengenalan	92
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Pengundian	92
	<i>Faktor Calon</i>	92

<i>Faktor Parti</i>	96
<i>Faktor Etnik</i>	101
<i>Faktor Maklumat dan Isu</i>	105
<i>Faktor Wang</i>	108
Model Tingkah Laku Pengundian di Sarawak	110
<i>Pengundi Sebagai Entiti yang Bersifat Heterogenous</i>	111
<i>Pelbagai Faktor yang Mempengaruhi Pilihan Pengundi</i>	112
<i>Peranan Faktor Demografi dalam Membentuk Tingkah Laku Pengundian</i>	115
Kesimpulan	124
LAMPIRAN	127
GLOSARI	140
BIBLIOGRAFI	141
INDEKS	146

Prakata

Buku ini memfokuskan perbincangan tentang golongan pengundi yang merupakan salah satu komponen terpenting dalam pilihan raya. Aspek pengundi yang menjadi fokus kajian ialah corak tingkah laku pengundian, iaitu konsep yang melihat hubungan antara pengundi dan proses pilihan raya serta agen yang terlibat dalam proses tersebut seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan parti politik. Selain melihat corak tingkah laku pengundian, buku ini juga meneliti corak budaya dan tahap penyertaan politik pengundi di Sarawak. Dengan mengkaji corak budaya dan penyertaan politik pengundi, pembaca akan dapat lebih memahami psikologi dan pandangan pengundi terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya.

Buku ini dibahagikan kepada tujuh bab yang membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan pilihan raya parlimen dan pengundi di Sarawak. Bab satu merupakan perbincangan umum mengenai latar belakang pilihan raya parlimen di Sarawak. Dalam bab ini, penulis membincangkan konsep dan jenis-jenis pilihan raya yang menjadi amalan di kebanyakan negara dunia. Seterusnya, pelbagai aspek yang berkaitan dengan pilihan raya parlimen Sarawak dari tahun 1969 hingga 1999 dikupas. Aspek-aspek yang dimaksudkan adalah seperti jumlah pengundi, peratusan keluar mengundi, parti yang bertanding dan undi popular yang diperolehi oleh parti-parti. Bab dua pula akan menjawab persoalan yang berbangkit berkenaan konsep tingkah laku pengundian dan kajian lepas yang berkenaan dengan subjek ini di Sarawak. Bab ini menekankan pemahaman mengenai konsep tingkah laku pengundian dan kaitannya dengan proses demokrasi serta pilihan raya. Gelintiran kesusasteraan yang dikemukakan dalam bab ini juga tidak kurang pentingnya kerana ia digunakan sebagai landasan utama kepada pembentukan kerangka dan skop buku ini. Seterusnya bab tiga mengetengahkan metodologi yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan tingkah laku pengundian di Sarawak. Bab tiga juga cuba menjelaskan latar belakang kawasan kajian, jumlah sampel dan kaedah pengedaran borang soal selidik.

Bab empat hingga bab tujuh membincangkan hasil kajian yang

telah diperoleh. Bab empat membincangkan tentang budaya politik pengundi di kawasan kajian. Aspek budaya politik yang diberi tumpuan ialah pandangan pengundi terhadap SPR, sistem pilihan raya dan kerajaan. Bab ini juga mengkaji tahap pengetahuan pengundi terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya di Sarawak. Bab lima pula mengkaji tahap penyertaan politik pengundi di kawasan kajian. Aspek penyertaan politik yang diteliti ialah tahap minat pengundi dalam politik dan tahap keahlian mereka dalam parti.

Bab enam akan membincangkan pola penggunaan sumber maklumat politik di kalangan pengundi di kawasan kajian. Dalam bab ini, sumber maklumat politik yang popular di kalangan pengundi dan kesan maklumat politik dalam mempengaruhi pilihan pengundi turut dikupas. Bab tujuh melihat model tingkah laku pengundian di Sarawak. Bab ini menilai faktor-faktor yang berperanan dalam mempengaruhi pilihan pengundi di kawasan kajian. Model tingkah laku pengundian yang tersendiri bagi Sarawak turut dikemukakan dalam bab ini. Dengan adanya model Sarawak, penulis berharap golongan penganalisis dan aktor politik, pelajar dan pengundi akan dapat lebih memahami segala proses yang terlibat dalam pembuatan keputusan pengundi dan faktor-faktor yang mempengaruhi proses tersebut. Akhir sekali, penulis berharap buku ini akan dapat membuka laluan dan mencetuskan minat di kalangan pengkaji lain dalam menjalankan lebih banyak penyelidikan mengenai tingkah laku pengundian di Sarawak, khasnya, dan Malaysia, amnya. Kajian yang berterusan perlu dilakukan agar kita sentiasa peka terhadap perkembangan atau perubahan tingkah laku pengundi.

Buku ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa dorongan serta sokongan pelbagai organisasi dan individu yang tertentu. Setiap keringat yang dicurahkan dan pandangan serta maklumat yang diberikan adalah seumpama permata yang tidak ternilai harganya. Di sini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang berikut:

- Universiti Malaysia Sarawak yang memberikan bantuan kewangan untuk menjayakan usaha penyelidikan ini.
- Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Sarawak, terutamanya Encik Wan Alwi Datuk Wan Hashim, Tuan Haji Takun Sunggah dan mendiang Encik Lani Tuah, yang tidak jemu-jemu membantu dalam memberikan pelbagai maklumat mengenai pilihan raya dan daftar nama pemilih.
- Pengundi di kawasan parlimen Petra Jaya, Bandar Kuching, Lubok Antu dan Bintulu yang telah menjadi responden dalam penyelidikan ini.
- Puan Nur Afifah Vanitha Abdullah yang telah banyak membantu dalam penyuntingan buku ini.

- Akhir sekali, kepada semua pihak yang telah terbabit secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan penyelidikan dan penghasilan buku ini yang namanya tidak dapat disebut di sini.

Walaupun buku ini merupakan usaha kolektif kesemua pihak yang telah dinyatakan di atas, namun mereka tidak bertanggungjawab terhadap setiap pandangan dan pendapat yang disampaikan dalam buku ini. Untuk itu, segala kekurangan dan kelemahan dalam buku ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

Mohd Faisal Syam Abdol Hazis

Neilson Ilan Mersat

Ahi Sarok

13 Mei 2002

Senarai Singkatan

BA	-	Barisan Alternatif
BARJASA	-	Barisan Ra'ayat Jati Sarawak
BINA	-	Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu
BN	-	Barisan Nasional
DAP	-	Democratic Action Party
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
KEADILAN	-	Parti Keadilan Nasional
LDP	-	Liberal Democratic Party
MCA	-	Malaysian Chinese Association
MIC	-	Malaysian Indian Congress
PAJAR	-	Parti Rakyat Jati Sarawak
PANAS	-	Parti Negara Sarawak
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	-	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	-	Parti Bansa Dayak Sarawak
PBS	-	Parti Bersatu Sabah
PERMAS	-	Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak
PESAKA	-	Parti Pesaka Anak Sarawak
PNRS	-	Parti Negara Rakyat Sarawak
SAPO	-	Sarawak People's Organization
SAPP	-	Sabah Progressive Party
SCA	-	Sarawak Chinese Association
SNAP	-	Sarawak National Party
SPR	-	Suruhanjaya Pilihan Raya
STAR	-	State Reform Party
SUPP	-	Sarawak United People's Party
UMAT	-	United Malaysia Timur Party
UMNO	-	United Malays National Organization

Bab 1 Pilihan Raya Parlimen di Sarawak

Pengenalan

Pilihan raya merupakan salah satu komponen penting bagi negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Ia merupakan saluran utama rakyat melibatkan diri dalam proses politik negara. Pilihan raya memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang akan memperjuangkan kepentingan dan aspirasi mereka. Pilihan raya juga membolehkan rakyat menentukan corak pemerintahan yang diinginkan kerana setiap calon atau parti yang bertanding mempunyai ideologi dan prinsip pemerintahan yang tersendiri. Pilihan raya merupakan medan bagi rakyat memberi keabsahan kepada sekelompok individu untuk memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang telah dipersetujui. Amalan ini menjadikan sistem demokrasi sebagai pemerintahan yang unik berbanding sistem pemerintahan lain.

Terdapat dua jenis sistem pilihan raya yang popular dalam kalangan negara demokratik, iaitu sistem majoriti dan sistem perwakilan nisbah (Hague et. al., 1992: 193). Jenis sistem pilihan raya yang pertama, iaitu sistem majoriti juga dikenali sebagai sistem *single-member-district plurality*. Dalam sistem pilihan raya ini, sesebuah negeri akan dibahagikan kepada beberapa buah daerah mengundi; setiap satunya mewakili sebuah kerusi di peringkat badan perundangan. Calon yang mendapat jumlah undi terbanyak di sesebuah daerah akan diisytiharkan sebagai wakil rakyat bagi kawasan tersebut. Sistem majoriti mempunyai tiga variasi. Pertama, sistem yang paling popular dalam kalangan negara demokratik ialah sistem majoriti mudah atau sistem *first past the post*. Dalam sistem pilihan raya ini, seseorang wakil rakyat dipilih melalui satu undian sahaja. Seseorang pengundi hanya perlu memangkah 'X' di sebelah nama calon yang disokong. Kemudian, calon yang memperoleh jumlah undi yang terbanyak akan diiktiraf sebagai pemenang walaupun beliau tidak memperoleh lebih daripada 50% undi. Setelah setiap ahli perundangan dipilih, parti yang mempunyai jumlah kerusi terbanyak akan membentuk kerajaan. Sistem ini digunakan oleh beberapa buah negara seperti Britain, Amerika Syarikat, Kanada dan Malaysia.

Variasi kedua ialah majoriti mutlak melalui undian alternatif. Dalam

sistem pilihan raya ini, pengundi akan memilih seorang calon untuk mewakili mereka di badan perundangan. Walau bagaimanapun, pengundi tidak akan memangkah calon yang disokong oleh mereka. Sebaliknya, pengundi akan menyenaraikan calon pilihan mereka mengikut turutan keutamaan dengan menulis '1' di sebelah calon yang paling disukai, '2' kepada calon yang menjadi pilihan kedua dan seterusnya. Sekiranya terdapat calon yang memperoleh lebih daripada 50% undi, maka beliau akan dipilih menjadi wakil rakyat. Tetapi jika tiada calon yang mendapat lebih daripada 50% undi, pilihan kedua bagi calon yang berada di senarai terbawah akan diagihkan. Proses ini diulang hingga seorang calon mendapat majoriti mutlak.

Variasi ketiga dikenali sebagai majoriti mutlak melalui undian kedua. Dalam sistem pilihan raya ini, terdapat dua kolum dalam kertas undi, iaitu satu untuk pilihan pertama dan satu lagi untuk pilihan kedua. Namun begitu, pengundi tidak diwajibkan membuat pilihan kedua jika mereka tidak mahu. Pengundi dikehendaki memangkah 'X' pada kolum yang pertama untuk pilihan pertama dan kolum kedua untuk pilihan kedua. Pilihan pertama pengundi akan dikira dan jika terdapat seorang calon yang memperoleh 50% undi maka dia akan dipilih sebagai wakil rakyat. Jika tiada calon yang memperoleh 50% undi, maka dua calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan dikekalkan sementara yang lain akan disingkirkan. Pilihan kedua pada kertas undi bagi calon yang tersingkir akan diteliti. Sekiranya terdapat undi yang diberi kepada baki dua orang calon ini, maka ia akan dicampurkan dengan jumlah undi mereka. Calon yang memperoleh undi yang terbanyak setelah proses ini berakhir akan dikira sebagai pemenang.

Alternatif sistem majoriti mudah ialah sistem perwakilan nisbah. Melalui sistem ini, perwakilan parti politik di badan perundangan akan ditentukan secara nisbah mengikut kekuatan mereka dalam pilihan raya. Sistem perwakilan nisbah mempunyai dua variasi, iaitu sistem senarai dan sistem undi tunggal yang boleh dipindahkan (Lijphart dan Grofman, 1984). Variasi pertama sistem perwakilan nisbah ialah sistem senarai. Berdasarkan sistem ini, kesemua undi yang telah dibuang dalam sesebuah negara akan dicampur dan setiap parti akan memperoleh jumlah kerusi di badan perundangan mengikut nisbah undi yang diperolehi. Satu kebaikan sistem ini ialah ia bersifat representatif kerana setiap parti akan mendapat bilangan kerusi mengikut jumlah undi yang diperolehi. Namun satu keburukan sistem ini ialah pengundi tidak dapat memilih calon yang hendak disokong, sebaliknya mereka hanya dapat memilih parti. Sistem senarai digunakan oleh negara-negara seperti Belanda, Belgium dan Finland.

Variasi kedua sistem perwakilan nisbah ialah sistem undi tunggal yang boleh dipindahkan. Sistem pilihan raya ini masih beroperasi dengan menggunakan sempadan pilihan raya tetapi setiap kawasan pilihan raya diwakili oleh lebih daripada seorang wakil rakyat - biasanya

diwakili oleh lima atau enam orang. Setiap parti akan meletakkan lebih daripada seorang calon di setiap kawasan. Pengundi akan memilih calon mengikut turutan keutamaan; bermakna pengundi boleh memilih calon dan juga parti. Sistem pilihan raya ini digunakan oleh beberapa buah negara seperti Ireland dan Malta (Hague et. al., 1992: 193).

Malaysia, pada dasarnya, mengamalkan sistem majoriti, iaitu sistem *first past the post*. Pilihan raya di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu pilihan raya parlimen dan pilihan raya negeri. Dalam pilihan raya parlimen, rakyat diberi tanggungjawab untuk memilih kerajaan di peringkat pusat dan sekali gus wakil mereka di parlimen atau Dewan Rakyat. Jumlah kerusi parlimen yang dipertandingkan dalam pilihan raya 1999 ialah sebanyak 193 buah. Dalam pilihan raya parlimen, mana-mana parti yang mendapat sekurang-kurangnya 50% atau 96 kerusi daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan akan layak memerintah. Namun untuk mendapatkan kerajaan yang stabil dan kuat, sesebuah parti harus mendapat dua pertiga kerusi atau 128 kerusi di Dewan Rakyat¹. Sarawak merupakan negeri yang mempunyai jumlah kerusi parlimen yang paling banyak, iaitu 28 buah sementara Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai bilangan kerusi parlimen yang paling sedikit, iaitu sebuah sahaja. Dalam pilihan raya negeri, rakyat mempunyai tanggungjawab untuk memilih kerajaan dan pemimpin di peringkat negeri atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Jumlah kerusi DUN bagi setiap negeri adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini bergantung pada keluasan, bilangan dan kepadatan penduduk di sesebuah negeri (Mohamed Suffian, 1987: 123-125). Jumlah keseluruhan kerusi DUN di Malaysia ialah sebanyak 504 buah. Bilangan kerusi DUN di Sarawak ialah sebanyak 62 buah, iaitu yang terbanyak di Malaysia. Perlis merupakan negeri yang mempunyai jumlah kerusi DUN yang paling sedikit, iaitu sejumlah 15 buah.

Jadual 1.1: Jumlah Kerusi Parlimen dan DUN di Malaysia

Negeri	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
Perlis	3	15
Kedah	15	36
Pulau Pinang	11	33
Perak	23	52
Kelantan	14	43
Terengganu	8	32
Pahang	11	38

Pilihan Raya Parlimen di Sarawak

Selangor	17	48
Wilayah Persekutuan K.L.	10	-
Negeri Sembilan	7	32
Melaka	5	25
Johor	20	40
Sarawak	28	62
Sabah	21	48
Wilayah Persekutuan Labuan	1	-
Jumlah kerusi	193	504

Sumber: Berita Harian (1/12/99)

Pilihan raya umum yang pertama diadakan di Tanah Melayu selepas merdeka adalah pada 1959. Sehingga kini, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah melalui 10 kali pilihan raya. Bagi Sabah dan Sarawak, setelah menyertai Malaysia pada 1963, negeri-negeri tersebut telah melalui lapan kali pilihan raya bermula daripada pilihan raya pertama pada tahun 1969 - pilihan raya parlimen dan negeri - bagi Sarawak dan 1967 bagi Sabah - pilihan raya negeri. Pilihan raya parlimen dan negeri di Malaysia diadakan serentak setiap lima tahun sekali kecuali bagi Sabah dan Sarawak. Pilihan raya parlimen dan negeri di Sarawak, pada mulanya, dijalankan pada tarikh yang sama, iaitu pada pilihan raya 1969 dan 1974. Bagaimanapun, dalam pilihan raya ketiga, pilihan raya parlimen dan negeri mula dijalankan secara berasingan di negeri itu. Bagi Sabah, sejak pilihan raya pertama dijalankan di negeri tersebut, tarikh pilihan raya parlimen dan negerinya adalah berbeza.

Jadual 1.2: Tarikh Pilihan Raya Umum di Malaysia

Negeri	Tahun Pilihan Raya Parlimen	Tahun Pilihan Raya DUN
Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia	1959	1959
	1964	1964
	1969	1969
	1974	1974
	1978	1978

	1982	1982
	1986	1986
	1990	1990
	1995	1995
	1999	1990
Sabah	1969	1967
	1974	1976
	1978	1981
	1982	1985
	1986	1986
	1990	1990
	1995	1994
	1999	1999
Sarawak	1969	1969
	1974	1974
	1978	1979
	1982	1983
	1986	1987
	1990	1991
	1995	1996
	1999	2001

Sumber: New Straits Times Press (1994: 60)

SEKILAS PANDANG PILIHAN RAYA PARLIMEN 1969-1999

Pada hari ini, Sarawak sering dilabel sebagai kubu kuat Barisan Nasional (BN) kerana prestasi baik yang ditunjukkan oleh parti tersebut dalam setiap pilihan raya. Tanggapan ini mungkin agak keterlaluan sekiranya analisis mengenai pilihan raya yang terdahulu di Sarawak dikaji. Umpamanya, dalam pilihan raya umum yang pertama, iaitu pada 1969, kekuatan parti pemerintah - yang dikenali sebagai Perikatan - di Sarawak agak goyah kerana parti pembangkang, iaitu SNAP dan SUPP mampu memberikan tentangan yang hebat kepada parti Perikatan² (gabungan

antara parti Bumiputera, SCA dan Pesaka) baik dalam pilihan raya negeri mahupun parlimen. Perwakilan parti Perikatan ke Dewan Rakyat pada 1969 amat lemah kerana mereka hanya berjaya memenangi sembilan daripada 24 buah kerusi parlimen. Namun kekuatan parti Perikatan mulai kukuh apabila SUPP menyertai gabungan parti tersebut tidak lama selepas pilihan raya 1969. Namun kemasukan SUPP ke pangkuan BN belum mampu menghapuskan semarak api pembangkang di Sarawak kerana SNAP yang merupakan satu-satunya parti pembangkang pada pilihan raya parlimen 1974 berjaya menidakkan kemenangan dua pertiga BN dengan kemenangan 18 buah kerusi. Akan tetapi bermula daripada pilihan raya parlimen 1978, BN telah berjaya memperkukuh kuasanya di negeri ini apabila ia sering menang dengan selesa dalam pilihan raya umum.

Selepas pilihan raya 1978, satu-satunya parti pembangkang yang sering menidakkan kemenangan bersih BN dalam pilihan raya parlimen di Sarawak ialah DAP. Parti yang berpangkalan di Semenanjung ini telah berjaya memenangi sekurang-kurangnya satu kerusi sejak kehadiran pertama di Sarawak pada pilihan raya parlimen 1982. Namun, pada pilihan raya 1999, DAP gagal memenangi sebarang kerusi apabila BN berjaya meraih kesemua kerusi parlimen.

Pengundi Berdaftar

Sejak pilihan raya umum pertama di Sarawak, jumlah pengundi didapati semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah penduduk. Jadual 1.3 menunjukkan Sarawak mengalami peningkatan bilangan pengundi yang agak perlahan dalam pilihan raya parlimen. Berdasarkan perangkaan tersebut, pilihan raya parlimen 1986 menunjukkan peratusan peningkatan pengundi yang paling tinggi, iaitu sebanyak 35.14% manakala pilihan raya parlimen 1978 menunjukkan peratusan peningkatan yang terendah dengan 2.5%.

Jadual 1.3: Jumlah Pengundi dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak 1969-1999

Tahun Pilihan Raya	Jumlah Pengundi	Peningkatan Jumlah Pengundi	% Peningkatan Jumlah Pegundi
1969	332,737	-	-
1974	375,882	43,145	12.97
1978	385,345	9,462	2.5
1982	412,158	26,813	6.96
1986	556,995	144,837	35.14

1990	703,061	146,066	26.22
1995	817,460	114,399	16.27
1999	854,912	37,452	4.58

Sumber: New Straits Times Press (1994: 60)

Walaupun Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia, namun ia hanya merupakan negeri yang keempat besar dari segi bilangan pengundi, iaitu sebanyak 854,912 orang pada pilihan raya umum 1999. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.58% daripada jumlah pengundi berdaftar pada 1995, iaitu 817,460 orang. Daripada jumlah ini, 837,082 orang merupakan pengundi biasa manakala 22,068 orang merupakan pengundi pos. Pada pilihan raya 1999, kawasan parlimen yang mempunyai jumlah pengundi yang tertinggi di Sarawak ialah P.191 Miri dengan jumlah pengundi sebanyak 68,502 orang. Kawasan parlimen yang mempunyai bilangan pengundi yang terendah ialah P.189 Hulu Rejang dengan jumlah pengundi sebanyak 16,085 orang. Kawasan parlimen yang mempunyai bilangan pengundi pos yang paling tinggi adalah di P.171 Kota Samarahan dengan jumlah pengundi sebanyak 5,959 orang. Manakala, kawasan parlimen yang mempunyai bilangan pengundi pos yang paling sedikit adalah di P.175 Batang Lupar dengan 21 orang pengundi.

Peratusan Mengundi

Peratusan mengundi merujuk kepada bilangan pengundi berdaftar yang turun mengundi dalam masa pilihan raya. Antara pilihan raya parlimen 1969 dan 1986, peratusan mengundi di Sarawak menurun dengan perlahan-lahan walaupun jumlah pengundi semakin meningkat dari tahun ke tahun. Namun, keadaan ini berubah apabila pada pilihan raya 1990 dan 1995, peratusan mengundi di Sarawak mula meningkat. Pada pilihan raya 1995, peningkatan peratusan mengundi didapati begitu ketara, iaitu sebanyak 4.81%. Akan tetapi pada pilihan raya parlimen 1999, peratusan mengundi sekali lagi menurun ke tahap yang terendah daripada tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 11.05%. Secara purata, peratusan mengundi di Sarawak berada pada tahap 69.58%.

Pada pilihan raya parlimen 1999, kawasan yang mencatatkan peratusan mengundi yang paling tinggi di Sarawak ialah Kota Samarahan (77.46%) manakala kawasan parlimen yang mencatatkan peratusan mengundi yang paling kecil ialah Baram (42.75%).

Jadual 1.4: Peratusan Mengundi dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak 1969-1999

Tahun Pilihan Raya	Peratusan Mengundi (%)	Penurunan/Peningkatan Peratusan Mengundi (%)
1969	79.60	-
1974	75.10	- 5.65
1978	68.90	- 8.26
1982	66.83	- 3
1986	66.70	- 0.19
1990	66.93	+ 0.34
1995	70.15	+ 4.81
1999	62.4	- 11.05

Sumber: New Straits Times Press (1994: 60)

Parti yang Bertanding

Semasa penubuhan Malaysia pada 1963, kerajaan negeri dipimpin oleh Perikatan yang terdiri daripada SNAP³, Pesaka⁴, BARJASA⁵ dan SCA⁶. Manakala, dua buah parti yang menjadi pembangkang ialah SUPP⁷ dan PANAS⁸. Pada 1966, iaitu setelah penyingkiran Stephen Kalong Ningkan selaku Ketua Menteri, SNAP telah mengambil keputusan untuk keluar daripada Perikatan dan bertanding atas tiket pembangkang pada pilihan raya 1969. Setahun kemudian, PANAS dan BARJASA bergabung dan membentuk parti baru yang dikenali sebagai parti Bumiputera. Dengan penggabungan kedua-dua buah parti tersebut, masyarakat Bumiputera Islam yang mendominasi parti ini dapat disatukan dan PANAS yang pada mulanya merupakan parti pembangkang akhirnya menyertai Perikatan. Pada pilihan raya umum yang pertama 1969, parti pemerintah atau Perikatan diwakili oleh SCA, Bumiputera dan Pesaka manakala parti pembangkang diwakili oleh SUPP dan SNAP. Semasa SUPP dan SNAP berada di kem pembangkang, mereka mampu memberikan tentangan sengit terhadap parti pemerintah. Namun selepas pilihan raya 1969, SUPP menyertai BN dan ini menjadikan SNAP sebagai satu-satunya parti pembangkang pada pilihan raya 1974. Akan tetapi, dua tahun kemudian, SNAP menyertai BN dan tindakan parti ini untuk bergabung dengan BN negeri menyebabkan politik pembangkang di Sarawak menjadi semakin malap. Bermula daripada pilihan raya 1978 hingga 1990, BN negeri diwakili oleh PBB, SUPP dan SNAP. Selepas itu, iaitu pada pilihan raya 1995 dan 1999, sebuah lagi parti telah menyertai

BN negeri, iaitu PBDS⁹. Sehingga kini, BN negeri Sarawak diwakili oleh PBB, SUPP, SNAP, dan PBDS.

Parti pembangkang di Sarawak sejak bertahun-tahun lamanya terdiri daripada kalangan parti tempatan. Kesemua parti komponen BN sekarang kecuali PBB pernah menjadi parti pembangkang di Sarawak. Malah, satu konsep politik unik yang dikenali sebagai Barisan Nasional *Plus* pernah diamalkan di Sarawak antara tahun 1987 dan 1994. Konsep politik ini menyaksikan PBDS menjadi parti pembangkang di peringkat negeri namun merupakan parti komponen BN di peringkat pusat. Namun keadaan ini berubah apabila PBDS menyertai BN negeri pada 1994. Selain PBDS, antara parti pembangkang yang pernah mewarnai senario politik di Sarawak ialah SAPO, PAJAR¹⁰, UMAT dan PNRS¹¹. Parti-parti ini hanya bertanding dalam dua pilihan raya parlimen, iaitu pada pilihan raya 1978 dan 1982. Dalam kalangan parti pembangkang tersebut, hanya SAPO didapati pernah memenangi kerusi parlimen, iaitu pada pilihan raya 1978. Kini, kesemua parti politik berkenaan tidak lagi aktif malah sebahagian besar telah pun dibubarkan. Pilihan raya 1982 juga menyaksikan penglibatan parti pembangkang yang pertama dari Semenanjung, iaitu DAP¹². Parti ini secara konsisten cuba mencabar keutuhan pemerintahan BN Sarawak. Sejak pertama kali bertanding dalam pilihan raya parlimen di Sarawak hingga pilihan raya parlimen 1995, DAP mampu sekurang-kurangnya merebut satu kerusi daripada BN. Namun, pada pilihan raya parlimen 1999, DAP gagal memenangi sebarang kerusi. Sebuah lagi parti pembangkang yang agak popular ialah PERMAS¹³. Parti ini pernah bertanding sekali dalam pilihan raya parlimen, iaitu pada pilihan raya 1990.

Bagaimanapun, PERMAS gagal memenangi sebarang kerusi. Sehingga kini, parti tersebut sudah tidak aktif lagi malah telah dibubarkan sebagai sebuah pertubuhan politik. PAS, parti pembangkang Melayu yang agak dominan di Semenanjung tidak ketinggalan dalam mengembangkan sayapnya di Sarawak. PAS dipercayai mula bergiat aktif dalam kancah politik Sarawak sebelum tahun 1999 lagi. Parti pembangkang ini bertanding buat pertama kalinya dalam pilihan raya parlimen di Sarawak pada 1999. Selain PAS, pilihan raya 1999 juga menyaksikan kemunculan sebuah lagi parti yang berpangkalan di Semenanjung, iaitu Keadilan. Parti yang muncul dalam era reformasi lahir akibat pergelutan politik Melayu dalam UMNO, khususnya selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Di Sarawak, barisan kepemimpinan Keadilan dianggotai bekas pemimpin PERMAS, DAP dan beberapa orang muka baru. Antara pemimpin PERMAS yang kini menduduki jawatan penting keadilan negeri ialah Datuk Hafsa Harun dan Wan Zainal Wan Senusi. Dalam kalangan parti pembangkang di Sarawak, hanya STAR merupakan pertubuhan politik yang berpangkalan di negeri ini. STAR telah ditubuhkan pada awal 1996 oleh bekas pemimpin SNAP,

iaitu Dr. Patau Rubis. Pada pilihan raya 1999, kesemua parti pembangkang di Sarawak kecuali PAS telah membentuk gabungan parti yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA). Parti komponen yang berada dalam BA Sarawak terdiri daripada DAP, Keadilan dan STAR.

Jadual 1.5: Parti yang Bertanding dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak 1969-1999

Tahun Pilihan Raya	Jenis Kerajaan	Parti Pemerintah	Parti Pembangkang
1969	Perikatan	SCA Bumiputera Pesaka	SNAP SUPP
1974	Barisan Nasional	SUPP PBB	SNAP
1978	Barisan Nasional	SUPP PBB SNAP	SAPO PAJAR UMAT PNRS
1982	Barisan Nasional	SUPP SNAP PBB	DAP PAJAR SAPO
1986	Barisan Nasional Plus	SUPP SNAP PBB PBDS*	DAP
1990	Barisan Nasional Plus	SUPP SNAP PBB PBDS*	DAP PERMAS
1995	Barisan Nasional	SUPP SNAP PBB PBDS	DAP
1999	Barisan Nasional	SUPP SNAP PBB PBDS	DAP KEADILAN PAS STAR

Sumber: Awang Reduan (1994: 21-59)

* PBDS menjadi parti pembangkang di peringkat negeri tetapi menjadi salah sebuah parti komponen BN di peringkat pusat.

Undi Popular

Undi popular ialah jumlah undi keseluruhan yang diperolehi oleh sesebuah parti yang bertanding dalam pilihan raya. Sejak pilihan raya parlimen 1969 hingga pilihan raya parlimen 1990, parti pemerintah di Sarawak tidak pernah mendapat dua pertiga undi popular walaupun mampu merebut lebih daripada dua pertiga kerusi yang dipertandingkan. Pilihan raya 1969 merupakan tahun yang paling teruk bagi parti pemerintah apabila mendapat kurang daripada 50% undi keseluruhan. Hanya pada pilihan raya 1995 dan 1999, BN mampu memperoleh dua pertiga undi popular. Secara purata, peratusan undi popular yang sering diperolehi oleh BN negeri ialah sebanyak 56.95%.

Jadual 1.6: Undi Popular yang Dimenangi oleh Parti yang Bertanding dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak 1969-1999

Tahun Pilihan Raya	Parti	Jumlah Kerusi Dimenangi	% Jumlah Undi Diperoleh
1969	PERIKATAN		
	SNAP	9	34.50
	SUPP	9	26.80
	BEBAS	5	30.20
		1	8.50
1974	BN	15	55.30
	SNAP	9	43.90
	BEBAS	0	0.80
1978	BN	26	63.00
	SAPO		4.00
	PAJAR	0	13.70
	UMAT	0	1.50
	PNRS	0	0.50
	BEBAS	0	17.50
1982	BN	19	56.75
	DAP	2	18.16
	PAJAR	0	0.53
	SAPO	0	0.07
	BEBAS	3	24.49
1986	BN	21	55.06
	DAP	1	18.73

	PBDS	0	0.27
	BEBAS	2	25.94
1990	BN	21	57.07
	DAP	2	18.95
	PERMAS	0	6.01
	PBDS	0	0.04
	BEBAS	4	17.93
1995	BN	26	66.29
	DAP	1	19.28
	BEBAS	0	13.07
1999	BN	28	67.6
	DAP	0	14.1
	KEADILAN	0	9.3
	STAR	0	4.3
	PAS	0	0.4
	BEBAS	0	4.3

Sumber: New Straits Times Press (1994: 60), Berita Harian (1/12/99)

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA PARLIMEN 1999

Pada pilihan raya umum 1999, Barisan Nasional sekali lagi diberi mandat oleh rakyat Malaysia untuk memerintah dengan memenangi lebih daripada dua pertiga kerusi parlimen yang dipertandingkan, iaitu sebanyak 148 kerusi. Sementara itu, BA memenangi sejumlah 42 kerusi. Negeri yang banyak menyumbang kerusi parlimen bagi BN ialah Sarawak (28 daripada 28 kerusi), Johor (20 daripada 20 kerusi), Negeri Sembilan (tujuh daripada tujuh kerusi) dan Melaka (empat daripada lima kerusi). Manakala negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu telah berjaya dimonopoli oleh BA terutamanya PAS. Negeri lain di utara seperti Kedah telah menyaksikan kebangkitan BA pada pilihan raya umum 1999¹⁴. Di Sarawak, BN telah berjaya menyapu bersih kesemua kerusi parlimen termasuk dua kerusi yang dahulunya dipegang oleh pihak pembangkang, iaitu P.166 Mas Gading - Dr. Patau Rubis dari STAR - dan P.190 Bintulu - Chiew Chiu Sing dari DAP. Semasa kempen pilihan raya, kebanyakan penganalisis politik tempatan telah menyenaraihitamkan beberapa kawasan yang menyaksikan kedudukan BN agak goyah, iaitu Mas Gading, Santubong, Petra Jaya, Bandar Kuching, Mambong, Kuala Rejang, Lanang, Sibul dan Bintulu. Namun antara kawasan hitam ini, hanya Santubong, Petra Jaya, Mambong dan Bintulu yang menyaksikan pertarungan yang sengit antara BN dan pihak pembangkang (lampiran 1).